

# Pemilihan Bahan Bagi Perpustakaan, Dengan Tumpuan Khas kepada Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya

oleh  
Datin Shaikha Zakaria\*

*Abstract: Although written selection policies for libraries are not universal, the process of selection in academic libraries is now far more likely to be based on written policies than it was before. The selection process should accomplish the objective of assuring that the materials appropriate to the needs of the institution are acquired. The ideal situation involves both librarians and academic staff. The selection policy of the Institute of Advanced Studies, University of Malaya, is set out.*

Di perpustakaan-perpustakaan akademik dasar pemilihan bahan biasanya dianggap sebagai sama dengan dasar perkembangan koleksi. Dasar-dasar ini kadang-kadang menjadi dokumen yang panjang lebar yang menyatakan dengan terperinci jenis-jenis bahan yang harus diperolehi dan peringkat perkumpulan bahan bagi disiplin-disiplin dan rancangan-rancangan yang dijalankan di sesebuah universiti. Walaupun pernyataan-pernyataan dasar tertulis bukanlah universal, proses pemilihan bahan di perpustakaan-perpustakaan akademik boleh dikatakan banyak berdasarkan polisi-polisi yang tertulis sekarang ini dari masa-masa yang lalu. Ketiadaan pernyataan-pernyataan polisi yang tertulis bukanlah bermakna tiada apa-apa rancangan perkembangan koleksi yang tertentu. Biasanya memang terdapat pemahaman am dan persetujuan yang menjadi asas kepada keputusan-keputusan yang dibuat mengenai pemilihan bahan.

Sama ada terdapat pernyataan-pernyataan polisi yang terperinci atau garis-garis panduan am atau pun pemahaman-pemahaman institusi yang tidak tertulis, proses pemilihan harus menyempurnakan matlamat memastikan bahawa bahan-bahan yang sesuai diperolehi mengikut keperluan institusi atau komuniti. Fungsi ini akan dapat dilaksanakan dengan berkesan jika sipemilih mempunyai:

1. Pemahaman yang baik tentang jenis bahan yang diperlui, iaitu berdasarkan pengetahuan yang mendalam mengenai keperluan-keperluan institusi.
2. Pengetahuan tentang sumber-sumber yang boleh digunakan untuk menentukan butir-butir bahan yang sesuai.

3. Keupayaan memilih di antara berbagai jenis bahan dan format supaya dapat memilih bahan yang sesuai sekali.
4. Keupayaan menentukan mutu bahan-bahan.
5. Keupayaan mengimbangkan kuantiti dan kos dengan sumber-sumber kewangan yang ada.
6. Keupayaan mengenali nilai bahan-bahan hadiah bagi koleksi-koleksi yang tertentu.

Di perpustakaan-perpustakaan kecil, pemilihan mungkin dibuat hanya oleh pustakawan yang bertugas di situ. Pemilihan sedemikian mungkin juga tertakluk kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi sebelum kelulusan untuk pembelian dibuat. Misalnya, di sesebuah sekolah, pengetua sekolah itu mungkin bertanggungjawab meluluskan bahan-bahan yang dipilih. Di perpustakaan-perpustakaan awam yang besar, pemilihan buku mungkin dibuat oleh ketua-ketua bahagian atau jawatankuasa pemilihan, jika ada, ataupun oleh kakitangan perpustakaan secara individu. Kelulusan muktamad mungkin juga terletak dengan ketua pustakawan.

Di perpustakaan-perpustakaan kolej dan universiti, penggambaran tidak begitu jelas. Dalam jangka masa dua puluh tahun yang lalu terdapat suatu aliran daripada situasi di mana hampir semua pemilihan dibuat oleh fakulti kepada situasi yang sebaliknya di mana kebanyakan proses pemilihan dijalankan oleh pustakawan-pustakawan dengan bantuan yang minimal daripada pihak fakulti. Situasi yang dianggap sempurna dan yang menjadi 'trend' sekarang ini ialah satu yang melibatkan kedua-dua pihak, iaitu pustakawan-pustakawan dan ahli-ahli akademik. Pustakawan-pustakawan mengakui kemahiran ahli-ahli fakulti dalam

\*Timbalan Ketua Pustakawan, Universiti Malaya.



bidang-bidang khusus mereka. Pihak fakulti pula mengakui bahawa pustakawan ada pengetahuan khusus tentang pasaran buku dan keperluan pembaca. Pengetahuan tentang koleksi-koleksi perpustakaan lain juga perlu bagi maksud pinjaman antara perpustakaan. Faktor-faktor ini sangat perlu untuk menyelaraskan proses pemilihan dan perolehan keseluruhannya.

Adalah penting bagi kita mengakui bahawa tidak ada hanya satu kaedah pemilihan. Beberapa cara boleh digunakan untuk proses pemilihan bahan-bahan perpustakaan. Ini adalah bergantung kepada peringkat perkembangan sesebuah institusi itu, kadar perkembangannya dan situasi kewangannya. Misalnya, sesebuah perpustakaan universiti yang giat memperkembangkan koleksi retrospektifnya atau koleksi-koleksi khusus dalam bidang-bidang yang tertentu mungkin terpaksa mengurangkan aktiviti-aktiviti tersebut jika program-program yang berkenaan dihentikan atau peruntukan wang dipotong. Mungkin juga sebaliknya sesuatu rancangan atau projek baru yang mengadakan peruntukan khas untuk pembelian bahan perpustakaan boleh menyebabkan kegiatan pemilihan dan perolehan bahan perpustakaan yang pesat.

Pada amnya keperluan jangka pendek sesebuah perpustakaan boleh dapat dipastikan. Perpustakaan-perpustakaan akademik sudah tentu memerlukan bahan-bahan yang akan menampung keperluan pengajian dan penyelidikan. Pemilihan bahan biasanya berdasarkan judul-judul tertentu yang diperlu oleh tenaga pengajar dan pelajar. Bagi sesebuah koleksi penyelidikan pula, tanggungjawab memperkembangkan sesuatu koleksi yang lengkap adalah diutamakan. Bahan-bahan yang perlu untuk menampung penyelidikan harus diperolehi. Dalam keadaan sedemikian bahan-bahan yang dianggap tidak bernilai bila berasingan akan menjadi penting dan berharga jika ianya dikumpulkan untuk menjadi koleksi khas. Koleksi seperti ini biasanya diperkembangkan untuk keperluan jangka panjang sesebuah institusi. Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya misalnya adalah satu koleksi khusus yang diperkembangkan untuk keperluan jangka masa panjang Universiti Malaya.

### Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi

Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi ditubuhkan dengan tujuan:

- (a) Untuk membina koleksi perpustakaan yang merangkumi berbagai bentuk bahan untuk keperluan penyelidikan dan pengajaran Institut Pengajian Tinggi.
- (b) Untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan termasuk juga perkhidmatan khusus seperti perkhidmatan maklumat kini dan pencarian maklumat dengan komputer.

Berasaskan objektif yang tersebut, koleksi Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi harus mengandungi bahan-bahan berikut:

- (a) Bahan pengajaran, iaitu bahan-bahan yang menampung kerja kursus program pengajian siswazah lanjutan di Institut Pengajian Tinggi.
- (b) Bahan penyelidikan, iaitu bahan-bahan yang diperlu untuk projek-projek penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Pengajian Tinggi.

Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi harus memperkembangkan koleksi-koleksi khusus yang berikut, iaitu selaras dengan keperluan pengajaran Institut pengajian Tinggi:

1. Falsafah dan kaedah penyelidikan.
  2. Pengurusan penyelidikan dan pembangunan.
- Selain dari koleksi asas ini, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi harus juga memperolehi bahan-bahan berkaitan dengan projek-projek penyelidikan seperti berikut:

1. Pengajian alam sekitar dan sumber alam.
2. Pengajian pembangunan manusia.
3. Pengajian penggunaan tanah Malaysia.
4. Pengajian sains kesihatan.
5. Pengajian wanita (HAWA) — Pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang Malaysia.
6. Kajian pembentukan kualiti air.
7. Pembentukan modal insan (Malaysia).
8. Bahan-bahan bibliografi dan rujukan yang berkaitan.

Pembahagian terperinci bidang-bidang projek penyelidikan Institut Pengajian Tinggi disenaraikan dalam Lampiran. Bahan-bahan lain akan ditambah apabila perlu, iaitu selaras dengan perkembangan pengajaran dan penyelidikan Institut Pengajian Tinggi.

Pemilihan bahan untuk koleksi Perpustakaan akan dibuat oleh kakitangan akademik dan kakitangan penyelidikan Institut Pengajian Tinggi serta kakitangan profesional Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi. Timbalan Ketua Pustakawan akan menyelaraskan proses pemilihan dan menguruskan perolehan bahan mengikut rangka polisi pemilihan dan peruntukan wang.

Bahan-bahan akan dipilih berpandukan alat-alat rujukan seperti katalog-katalog penerbit, bibliografi-bibliografi khusus, senarai-senarai bahan bacaan, jurnal, dan bahan-bahan yang diterima dari penjual-penjual buku sebagai 'On approval'.

Oleh kerana peruntukan wang terhad, hanya satu naskhah akan diperolehi bagi tiap-tiap judul. Sejauhmana yang boleh bahan-bahan yang sudah ada di Perpustakaan Utama tidak akan diduplikasikan. Hadiah-hadiah dan bahan-bahan pertukaran akan diterima oleh Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi. Akan tetapi hanya judul-judul yang relevan kepada bidang perkara koleksi Perpustakaan akan ditambah kepada stok.



Polisi yang tersebut di atas ini adalah tertakluk kepada penilaian dari masa ke semasa untuk memastikan pembinaan sebuah koleksi yang berseimbangan dan memenuhi keperluan pengajaran dan penyelidikan Institut Pengajian Tinggi.

#### LAMPIRAN

##### Projek-projek Penyelidikan Institut Pengajian Tinggi (Senarai Terperinci)

1. Pengajian Alam Sekitar dan Sumber Alam
  - (a) Pmerosesan dan penggunaan berekonomi bahan agroindustri
  - (b) Pengajian tentang perpecahan getah dan lain-lain bahan polimer komersial
  - (c) Penyelidikan antara disiplin mengenai sebatian organotin
  - (d) Pengurusan Lembangan Sungai Linggi
  - (e) Projek pembaikbiakan kambing
  - (f) Kuala Lumpur Ecoville
  - (g) Penghidrogenan getah asli
  - (h) Kajian untuk memajukan penghasilan dan kualiti cabai di Malaysia
2. Pengajian Pembangunan Manusia
  - (a) Masalah dadah di Malaysia
  - (b) Kajian tentang pelajaran tinggi dan pekerjaan di Malaysia
  - (c) Penyelidikan tentang masyarakat Johor
  - (d) Kamus mengenai biografi Malaysia
  - (e) Kajian kemiskinan di Malaysia
  - (f) Kajian proses peralihan dari pendidikan kepada pekerjaan
3. Pengajian Penggunaan Tanah
  - (a) Pembangunan dan pemindahan hakmilik tanah petani di Perak
  - (b) Kajian tanah simpanan Melayu dari segi sosial, ekonomi dan politik di Semenanjung Malaysia
  - (c) Pengelasan tanah dan penggunaan tanah di Sarawak
  - (d) Kedudukan sosio-ekonomi anak-anak peneroka FELDA di Semenanjung Malaysia
4. Pengajian Kesihatan dan Perubahan
  - (a) Kajian botani, kimia dan farmakologi tentang tumbuhan obat di Malaysia
  - (b) Nasopharyngeal carcinoma (NPC)
  - (c) Penyelidikan biomedical mengenai vektor, parasit/patogen dan perumah
  - (d) Pensetempatan dan terapi sinaran foto penyakit kanser dengan laser
5. Projek HAWA tentang kebajikan am dan keadaan kerja para pekerja wanita di kilang-kilang Malaysia
6. Pembentukan kriteria kualiti dan piawai air bagi Malaysia
7. Pembentukan modal insan (Malaysia).